



SIARAN MEDIA

STRATEGI PASCA DIALOG KONSTRUKTIF LAPORAN BERKALA CEDAW KEENAM MALAYSIA DILANCARKAN

PUTRAJAYA, 4 JULAI - Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri telah melancarkan **Strategi Pasca Dialog Konstruktif Laporan Berkala Konvensyen Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (*Convention on The Elimination of All Forms of Discrimination Against Women - CEDAW*) Keenam Negara**.

Strategi Pasca Dialog Konstruktif CEDAW ini menggariskan tindakan berkaitan pemerkasaan dan perlindungan wanita oleh setiap Kementerian dan agensi peneraju dalam usaha untuk memastikan perundangan dan polisi negara adalah selari dengan hasrat konvensyen untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita.

Pelancaran tersebut adalah sempena Mesyuarat Jawatankuasa Kerja CEDAW dan Majlis Apresiasi CEDAW yang diadakan di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini diadakan susulan Pembentangan Laporan Berkala CEDAW Ke-6 Negara di dalam Sesi Dialog Konstruktif pada 22 Mei 2024 di Geneva, Switzerland. Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YB Menteri mendapat maklum balas positif daripada Jawatankuasa CEDAW terhadap usaha-usaha pemerkasaan wanita yang telah dilaksanakan oleh Malaysia.

Tujuan utama mesyuarat adalah untuk meneliti semua syor Jawatankuasa CEDAW di dalam dokumen *Concluding Observation* dan melantik Kementerian serta agensi peneraju dalam melaporkan pencapaian berkaitan setiap tahun. Semua syor tersebut telah dimasukkan sebagai Strategi Pasca Dialog Konstruktif CEDAW Ke-6 Negara yang akan dipantau pelaksanaannya secara tahunan.

Selain itu, mesyuarat bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kerja CEDAW serta terma rujukan mesyuarat yang akan bersidang setiap tahun bagi setiap jawatankuasa atau berdasarkan keperluan.

Turut hadir adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff dan wakil dari 22 Kementerian dan agensi yang berkaitan. Antara wakil Kementerian yang hadir adalah Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.

CEDAW telah diluluskan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 18 Disember 1979 dan berkuat kuasa mulai 3 September 1981. Malaysia telah menyertai CEDAW pada 5 Julai 1995 dengan pemahaman bahawa peruntukan dalam Konvensyen tersebut tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Syariah. Tujuan utama konvensyen ini adalah memberi penekanan kepada usaha menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya.

####

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
4 Julai 2024